




MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



# LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2021

Usuluddin (931)



# KANDUNGAN

Usuluddin (931/1) .....	<b>1 – 3</b>
Usuluddin (931/2) .....	<b>5 – 7</b>
Usuluddin (931/3) .....	<b>9 – 11</b>

# USULUDDIN (931/1)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 933 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 78.66% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	11.36	8.57	9.54	9.11	11.47	16.93	11.68	7.72	5.36	3.11	5.15

SEMESTER 1

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang sederhana. Terdapat beberapa kelemahan calon, iaitu tidak memahami kehendak soalan dengan baik, calon tidak dapat memberikan dalil yang tepat, calon kurang menguasai kemahiran membanding, dan calon memberikan fakta yang tidak tepat.

### *Komen soalan demi soalan*

#### Soalan 1

Soalan 1 (a) menghendaki calon menyatakan **dua** bukti kenabian dan kerasulan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara bukti kenabian dan kerasulan ialah menerima mukjizat, menerima wahyu, mempunyai peribadi yang mulia, penyaksian daripada para nabi terdahulu, dan lain-lain lagi.

Soalan 1(b) menghendaki calon menerangkan **empat** perbezaan antara mukjizat dengan sihir. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah mukjizat dan sihir berbeza daripada aspek penerima, tujuan, sumber, dan lain-lain lagi. Mukjizat diterima oleh nabi dan rasul, manakala sihir diamalkan oleh manusia biasa yang tahu akan ilmu sihir. Selain itu, mukjizat menjadi bukti kenabian atau kerasulan, manakala sihir hanya menunjukkan seseorang itu mahir dalam ilmu tersebut. Seterusnya, mukjizat merupakan pemberian daripada Allah SWT dan tidak boleh dipelajari, manakala sihir merupakan suatu ilmu yang boleh dipelajari oleh seseorang individu.

Soalan 1(c) menghendaki calon membincangkan tugas seseorang rasul. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah mengajak manusia menyembah Allah SWT, menjelaskan kepada manusia berkaitan dengan perkara ghaib, menjadi *qudwah hasanah*, memberikan khabar gembira dan ancaman, dan lain-lain lagi.

#### Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menyatakan **dua** contoh sifat mahmudah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah sabar, ikhlas, tawakkal, amanah, *khauf*, *zikr al-maut* dan lain-lain.

Soalan 2(b) menghendaki calon menjelaskan hubungan antara akidah dengan akhlak menurut Islam. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang patut diberikan oleh calon ialah akidah yang kukuh akan melahirkan akhlak yang mulia, individu yang mengharap syurga akan berusaha dengan gigih untuk melakukan amal kebaikan, seseorang muslim akan berusaha menghindarkan diri daripada melakukan larangan Allah SWT kerana meyakini malaikat akan mencatat setiap amalan, seseorang Muslim yang mempunyai akidah yang jitu akan menjadi berani untuk mengorbankan jiwa kepada agama kerana meyakini bahawa setiap perkara ialah milik Allah SWT, dan lain-lain lagi.

Soalan 2(c) menghendaki calon membincangkan peranan akidah dalam pembangunan sains dan teknologi. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah akidah Islam tidak melarang sebarang bentuk pembangunan sains dan teknologi selagi ia tidak terpesong daripada jalan kebenaran, akidah yang mantap mampu membendung penyebaran maklumat palsu melalui media sosial, akidah yang baik menjamin penggunaan sains dan teknologi ke arah kebaikan, dan lain-lain lagi.

### Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon menjelaskan maksud *qudwah hasanah*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Qudwah hasanah* ialah contoh tauladan yang terbaik yang menjadi ikutan manusia dalam perkara kebaikan.

Soalan 3(b) menghendaki calon menghuraikan sifat Nabi Nuh AS yang boleh diteladani daripada kisah baginda yang diceritakan dalam al-Quran. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara sifat Nabi Nuh AS yang boleh diteladani ialah sabar, penyayang, berani, sentiasa bersyukur, dan lain-lain lagi.

Soalan 3(c) menghendaki calon membincangkan *qudwah hasanah* yang telah ditunjukkan oleh orang yang soleh dengan memberikan dua dalil daripada al-Quran. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara kisah orang yang soleh yang terdapat dalam al-Quran ialah kisah kesabaran Maryam menghadapi saat-saat mengandung, kisah *ashab al-ukhdud* dalam mempertahankan akidah, kisah keikhlasan kaum *ansar* membantu kaum *muhajirin*, dan lain-lain lagi.

### Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menjelaskan pengertian *iman* menurut pandangan Ahli Sunnah Waljamaah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Iman ialah membenarkan dalam hati dan mengucapkan dengan lida.

Soalan 4(b) menghendaki calon menerangkan perbezaan antara konsep iman menurut Ahli Sunnah Waljamaah dengan Muktazilah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang patut diberikan oleh calon ialah iman menurut Ahli Sunnah Waljamaah membenarkan dalam hati, manakala menurut Muktazilah iman ialah membenarkan dalam hati, mengucapkan dengan lida, dan dibuktikan dengan perbuatan. Selain itu, menurut Ahli Sunnah Waljamaah, amalan ialah syarat kesempurnaan iman, manakala bagi Muktazilah, amalan ialah sebahagian daripada iman.

Soalan 4(c) menghendaki calon membincangkan hukum pelaku dosa besar menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan Muktazilah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun begitu, terdapat segelintir calon hanya mampu memberikan jawapan hukum pelaku dosa besar menurut Muktazilah sahaja dengan tepat. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah mengikut Ahli Sunnah Waljamaah, hukum pelaku dosa besar ialah iman mereka tidak rosak disebabkan oleh maksiat dan mereka akan disiksa dahulu di dalam neraka sebelum dimasukkan ke dalam neraka. Menurut Muktazilah pula, pelaku dosa besar dikategorikan sebagai bukan mukmin dan bukan kafir (fasik) dan mereka akan ditempatkan bukan di neraka dan bukan di syurga, iaitu *manzilah bayn manzilatayn*.

## Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon memberikan **dua** faktor kemunculan penyelewengan akidah pada zaman awal Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah perluasan wilayah Islam, kemasukan elemen bukan Islam ke dalam Islam, dan kelahiran hadis palsu.

Soalan 5(b) menghendaki calon menerangkan bagaimana masalah kejahilan boleh menyebabkan penyelewengan akidah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon hanya menghuraikan masalah kejahilan secara umum tanpa mengaitkan dengan penyelewengan akidah. Antara jawapan yang patut diberikan oleh calon ialah kurangnya pengetahuan tentang asas agama menyebabkan seseorang Muslim mudah terpengaruh dengan unsur syirik, kejahilan akan membawa kepada taklid buta, kejahilan menyebabkan taksuf, dan lain-lain lagi.

Soalan 5(c) menghendaki calon membincangkan penyelewengan akidah yang terdapat dalam ajaran Ayah Pin. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah Ayah Pin mendakwa dirinya sebagai Tuhan yang turun daripada langit, mempunyai kuasa penyembuhan segala penyakit, menolak rukun Islam, mendakwa bahawa Mekah, Kaabah, dan air zam zam adalah miliknya, dan lain-lain lagi.

# USULUDDIN (931/2)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 920 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 73.90% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	8.15	6.09	8.04	9.67	16.63	14.02	11.30	6.96	4.78	3.91	10.45

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara keseluruhan, mutu jawapan calon berada pada tahap sederhana sama ada pada bahagian A atau pun pada bahagian B. Hal ini disebabkan calon tidak mempunyai perancangan yang baik semasa menjawab soalan. Calon tidak dapat mengemukakan dalil yang tepat, jawapan yang diberikan adalah menyimpang daripada kehendak soalan, tidak dapat mengemukakan fakta yang tepat, jawapan yang diberikan tidak relevan dengan kehendak soalan, dan hujah yang diberikan bagi menyangkal dakwaan tidak konkrit.

### *Komen soalan demi soalan*

## BAHAGIAN A: *Ulum al-Quran*

### Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon memberikan **empat** bidang kajian *Ulum al-Quran*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara bidang kajian *Ulum al-Quran* ialah ilmu *I'rab al-Quran*, ilmu *I'jaz al-Quran*, ilmu *Nuzul al-Quran*, ilmu *Makki* dan *Madani*, dan ilmu *Nasikh Mansukh*.

Soalan 1(b) menghendaki calon menjelaskan **empat** perbezaan antara ilmu tafsir dengan *ulum al-Quran*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat memberikan perbezaan antara keduanya daripada aspek pengertian, tujuan, skop perbahasan, dan manfaat.

Soalan 1(c) menghendaki calon membincangkan faedah mempelajari *ulum al-Quran*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah untuk mengetahui lebih banyak ilmu yang tersirat dalam al-Quran, untuk menyanggah fakta yang diputar belit oleh musuh Islam terhadap kesucian al-Quran, menjadikan umat Islam sentiasa bersedia untuk mempertahankan al-Quran dan agama Islam daripada dicemari oleh musuh, dapat memelihara al-Quran daripada salah tafsiran, dan untuk menyingkap ilmu-ilmu yang berkaitan dengan *i'jaz al-Quran*.

## Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menjelaskan pengertian *nasikh* dan *mansukh*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Pengertian *nasikh* ialah mengangkat atau menghapuskan hukum *syara'* dengan dalil hukum *syara'* yang lain. *Mansukh* pula ialah dibatalkan ketentuan hukum yang ada dan diganti dengan hukum yang baru.

Soalan 2(b) menghendaki calon menerangkan **empat** cara untuk mengenal pasti *nasikh* dan *mansukh* pada ayat al-Quran. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah ia dinukilkan secara jelas daripada Nabi Muhammad SAW dan daripada sahabat-sahabat baginda, melalui *ijmak* ulama yang mengatakan bahawa ayat berkenaan adalah *nasikh* dan ayat berkenaan adalah *mansukh*, melalui sejarah penurunan ayat, iaitu ayat yang terkemudian *menasakhkan* ayat yang terdahulu dan mengetahui ayat-ayat dan surah-surah sama ada turunnya di Mekah atau di Madinah, yang mana ayat-ayat yang turun di Madinah memansukhkan ayat-ayat yang turun di Mekah.

Soalan 2(c) menghendaki calon membincangkan pandangan ulama tentang hukum *sunnah* *menasakhkan* al-Quran. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang patut diberikan oleh calon ialah terdapat perselisihan dalam kalangan ulama berkaitan dengan hukum *sunnah* *menasakhkan* al-Quran sekiranya *sunnah* itu hadis *mutawatir*, iaitu pendapat Imam Abu Hanifah, Malik dan Ahmad menyatakan harus berlaku kerana kedua-duanya wahyu daripada Allah SWT. Bagi Imam Syafie dan Ahmad pula berpendapat tidak harus berlaku kerana martabat *sunnah* lebih rendah berbanding dengan al-Quran. Namun begitu, sekiranya *sunnah* tersebut ialah hadis *ahad*, jumhur ulama tidak mengharuskannya kerana al-Quran bersifat *qati'e* sedangkan *sunnah* yang *ahad* bersifat *zanni*.

## Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon menjelaskan maksud *tafsir batiniyyah*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Tafsir Batiniyyah* bermaksud pentafsiran yang menganggap ayat-ayat al-Quran mempunyai makna zahir dan batin, iaitu pentafsiran zahir adalah untuk golongan awam dan pentafsiran batin adalah untuk orang yang khusus.

Soalan 3(b) menghendaki calon memberikan **dua** contoh ayat al-Quran dan menerangkan tafsiran *batiniyyah* pada ayat-ayat tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah ayat 43 surah al-Baqarah, ayat 185 surah al-Baqarah, dan ayat 3 surah al-Mai'dah berserta tafsiran *batiniyyah*.

Soalan 3(c) menghendaki calon menjelaskan sebab berlakunya penyelewengan dalam pentafsiran al-Quran. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah penerapan kisah Israiliyyat semasa proses pentafsiran berlaku, kemasukan hadis palsu semasa mentafsir bagi menyolong hujah, pentafsiran al-Quran dilakukan dari aspek bahasa semata-mata dengan mengeneipkan ilmu-ilmu yang lain, penyelewengan ahli sufi dalam pentafsiran, dan pentafsiran dilakukan oleh pentafsir mengikut hawa nafsu tanpa sandaran.

## BAHAGIAN B: *Ulum al-Hadis*

### Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menyatakan **empat** sebab hadis merupakan sumber dalam perundangan Islam. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang patut diberikan oleh calon ialah hadis merupakan sumber dalam perundangan Islam kerana hadis diambil daripada Rasulullah SAW yang membawa risalah, gesaan daripada Al-Quran agar manusia mengambil segala yang dibawa oleh Rasulullah SAW, hadis menjelaskan dan menetapkan hukum yang tiada di dalam

al-Quran, hadis dan al-Quran bersifat saling melengkapi dan menjelaskan antara satu sama lain, dan bahasa al-Quran yang tinggi hanya dapat difahami melalui hadis.

Soalan 4(b) menghendaki calon menjelaskan **empat** persamaan antara *al-Hadis* dengan *al-Sunnah*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan sepatutnya yang diberikan oleh calon ialah, kedua-duanya mempunyai pengertian yang sama menurut sebahagian ulama hadis, wajib berpegang dengannya sekiranya kedua-duanya sahih, dan sekiranya kedua menolak kedua-duanya tidak kafir sekiranya bersifat *ahad*.

Soalan 4(c) menghendaki calon memberikan **satu** dalil dan membincangkan hukum seseorang menolak hadis. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Hukum menolak hadis secara keseluruhannya ialah kufur. Menolak hadis yang *sabit* secara *mutawatir* juga kufur kerana ia bersifat *qat'ie*. Bagi hadis yang bersifat *zanni*, seperti hadis *ahad*, menolaknya tidak kufur.

## Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon memerihalkan perkembangan ilmu *jarh* dan *ta'dil* pada zaman sahabat. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang patut diberikan oleh calon ialah perkembangan ilmu *jarh* dan *ta'dil* pada zaman sahabat berlaku secara tidak langsung kerana belum ramai perawi yang lemah dalam kalangan sahabat. Para sahabat merupakan golongan yang paling cermat terhadap sesebuah periwayatan. Majoriti para sahabat bersifat *thiqah* dan adil. Antara sahabat yang membicarakan tentang keadaan perawi ialah Abdullah Ibn Abbas, Ubadah bin Samit, dan Anas bin Malik dan Ali bin Abi Talib.

Soalan 5(b) menghendaki calon menjelaskan **empat** syarat bagi ahli *jarh* dan *ta'dil*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah berilmu, adil, tidak taksub, *dhabit* dan bebas celaan.

Soalan 5(c) menghendaki calon menerangkan **empat** peringkat lafaz *ta'dil* dalam ilmu *jarh* dan *ta'dil*. Sebahagian calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Peringkat pertama lafaz *ta'dil* dalam ilmu *jarh* dan *ta'dil* ialah lafaz yang menunjukkan perakuan *thiqah* dengan makna sangat yang menggunakan wazan *af'al* seperti *fulan authaqun nas*. Peringkat kedua pula menggunakan *tawkid* dengan mengulangi perkataan yang sama seperti *thiqah thiqah*. Seterusnya, peringkat ketiga menunjukkan ada perakuan *thiqah* tanpa *tawkid* seperti *thiqah*. Peringkat keempat menggunakan istilah yang menunjukkan makna adil tanpa menggambarkan *dhabit* seperti *saduq* dan peringkat terakhir menggunakan lafaz yang digambarkan menghampiri *jarh* seperti *fulan saleh al-hadis*.

## Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon menerangkan maksud *orientalis*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Orientalis* ialah para ilmuan barat yang mempelajari hal-hal ketimuran dalam pelbagai aspek seperti bahasa, adat, peradaban, agama dan sosial.

Soalan 6(b) menghendaki calon menjelaskan **empat** tujuan orientalis melakukan kajian terhadap hadis. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah untuk memecahbelahkan perpaduan umat Islam, untuk melemahkan keyakinan umat Islam terhadap agamanya, untuk merosakkan akhlak umat Islam, untuk memanam rasa syak umat Islam terhadap al-Quran dan *al-sunnah*, merosakkan ajaran Islam dengan menutup segala kebenaran, dan untuk memisahkan umat Islam daripada asas kebudayaan Islam.

Soalan 6(c) menghendaki calon mengemukakan **dua** dalil daripada al-Quran berserta hujah bagi menyangkal dakwaan golongan orientalis yang menyatakan bahawa *sunnah* bukan wahyu. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang patut diberikan oleh calon ialah ayat 3 dan 4 surah Al-Najm, ayat 7 surah Al-Hasyr dan ayat 43 surah Al-Nahl berserta dengan hujah.



# USULUDDIN (931/3)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 918 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 61.54%

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	9.80	4.25	4.14	6.97	9.69	14.27	12.42	7.08	6.64	4.58	20.16

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang sederhana. Terdapat beberapa kelemahan calon, iaitu calon tidak memahami kehendak soalan dengan baik dan calon tidak memberikan fakta yang tepat.

### *Komen soalan demi soalan*

#### Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon memberikan pengertian *ilmu mantik*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Ilmu mantik ialah suatu ilmu yang membicarakan undang-undang, peraturan, dan kaedah yang memelihara akal daripada melakukan kesilapan dalam berfikir.

Soalan 1(b) menghendaki calon menjelaskan sumbangan golongan *Sophist* kepada kemunculan ilmu mantik. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat sebilangan calon memberikan sumbangan tokoh Islam dalam ilmu mantik sebagai jawapan. Antara jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah golongan *Sophist* menggunakan hujah palsu yang meyakinkan dengan tujuan memperdayakan seseorang. Golongan ini juga berpendapat bahawa seseorang individu merupakan penentu kepada hakikat sesuatu dan sumber pengetahuan hanyalah pancaindera. Rentetan daripada itu, ahli falsafah seperti Socrates, Plato, dan Aristotle mula menyusun kaedah logik sebagai satu pawaian dalam menentusahkan kebenaran. Ahli falsafah Greek ini turut menulis karya ilmu mantik seperti *Logika*, *Analytica*, *Eisagoge* dan lain-lain lagi.

Soalan 1(c) menghendaki calon memberikan hujah untuk membuktikan ilmu mantik memberikan manfaat kepada manusia. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah ilmu mantik merupakan asas dalam membuat sesuatu hujah, ilmu mantik membantu manusia membuat pentakrifan sesuatu perkara dengan tepat, ilmu mantik mengelakkan seseorang daripada melakukan falasi dalam berhujah, dan lain-lain lagi.

## Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon memberikan pengertian *kulliyat khamsah*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Kulliyat khamsah* ialah *mafhum* umum yang terdiri daripada anggota yang yang banyak, iaitu *jins*, *naw'*, *ard al-am*, *khassah*, dan *fasl*.

Soalan 2(b) menghendaki calon menjelaskan **empat** perbezaan antara *jins* dengan *khassah*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Perbezaan antara *jins* dengan *khassah* adalah seperti yang berikut:

- *Jins* bersifat *zati*, manakala *khassah* bersifat *aradi*.
- *Jins* adalah sebahagian daripada hakikat sesuatu yang ditakrif, manakala *khassah* bukan sebahagian daripada hakikat yang ditakrif.
- Penggunaan *jins* dalam pentakrifan menjadikan sesuatu takrif itu sempurna, manakala penggunaan *khassah* dalam sesuatu takrif menjadikan sesuatu takrif tidak sempurna.
- *Jins* mempunyai bahagian, manakala *khassah* bersifat tunggal
- Kelaziman bagi *jins* ialah kelaziman *zati*, manakala kelaziman *khassah* ialah kelaziman *ardi*.

Soalan 2(c) menghendaki calon menyatakan jenis *kulliyat* yang diberikan berserta dengan huraian. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat calon yang hanya menyatakan jenis *kulliyat* tanpa memberikan huraian. Hanya sebilangan calon yang dapat menyatakan kesemua jenis *kulliyat* dengan tepat berserta dengan huraian.

## Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon memberikan maksud *mulahazah*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Mulahazah* ialah satu proses penelitian atau pemerhatian terhadap fenomena perubahan bentuk, keadaan, dan kejadian yang berlaku bagi sesebuah objek kajian.

Soalan 3(b) menghendaki calon menerangkan **empat** syarat *mulahazah*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara syarat *mulahazah* ialah *syumul*, *tarkiz*, *tikrar*, *adam al-tasarru' fi al-hukm*, *tasjil*, dan *ihitimam bi al-tafasil*.

Soalan 3(c) menghendaki calon membincangkan kepentingan *mulahazah* dalam sesebuah kajian ilmiah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara kepentingan *mulahazah* dalam sesebuah kajian ilmiah ialah dapat menemukan pelbagai jawapan terhadap sampel yang dikaji, dapat menyumbang kepada dapatan kajian yang lebih sah, menjadi bahan rujukan penting dalam sesebuah kajian, mengembangkan penyelidikan kepada lebih mendalam, mengenalpasti fenomena yang pelbagai dalam penyelidikan, dan lain-lain lagi.

## Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menghuraikan empat sebab berlakunya ralat dalam mentakrifkan sesuatu perkara. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah tidak *jami'* dan *mani'*, penggunaan lafaz yang terlalu umum, penggunaan kata *musytarak*, penggunaan kata nafi, penggunaan *majaz*, dan lain-lain lagi.

Soalan 4(b) menghendaki calon menamakan jenis falasi berdasarkan situasi yang diberikan berserta dengan huraian. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah:

- 1) Situasi 1: Falasi ugutan atau emosi. Encik X telah menggunakan pendekatan emosi untuk mempengaruhi Encik Y supaya mempercayainya. Penghujahan Encik X dilihat betul kerana Encik Y berasa takut.
- 2) Situasi 2: Falasi autoriti. Gelaran Profesor dan pencemarah terkenal tidak memastikan seseorang itu tahu dalam semua perkara. Oleh sebab seorang profesor sering dikaitkan dengan ilmu, maka menyatakan Profesor C tahu semua perkara adalah tidak benar.
- 3) Situasi 3: Falasi kejahilan. Kejahilan seseorang tentang sesuatu perkara itu tidak memastikan bahawa yang tidak diketahuinya itu adalah salah.
- 4) Situasi 4: Falasi andaian. Andaian tidak memberi kepastian terhadap sesuatu perkara. Tidak semestinya Puan A mempunyai bilik yang besar apabila dia mempunyai rumah yang besar.

## Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon memerihalkan biodata ringkas Ibn Haytham. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat memberikan nama penuh, tempat lahir, tarikh lahir dan tarikh meninggal, dan ketokohan beliau dengan tepat.

Soalan 5(b) menghendaki calon menghuraikan pemikiran Ibn Haytham berkaitan dengan ilmu mantik. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat calon yang memberikan sumbangan Ibn Haytham sebagai jawapan. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah menyarankan penggunaan metode *mulahazah* dalam penyelidikan, mempercayai penggunaan *tajribah* dapat membantu penyelidikan, memperkenalkan penggunaan metode *tanwi' wa al-tikrar*, dan lain-lain lagi.

Soalan 5(c) menghendaki calon menjelaskan peranan Ibn Haytham dalam perkembangan ilmu mantik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah pengasas kepada mantik moden, penulis karya yang pelbagai dalam bidang ilmu mantik, orang pertama yang menemui tarikan graviti, dan lain-lain lagi.

# LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2021



**SASBADI SDN. BHD.** 198501006847

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad 201201038178)

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,  
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199

Laman web: [www.sasbadisb.com](http://www.sasbadisb.com) E-mel: [enquiry@sasbadi.com](mailto:enquiry@sasbadi.com)



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488

Laman web: [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my) E-mel: [ppa@mpm.edu.my](mailto:ppa@mpm.edu.my)